

# Hari Keluarga UTHM usaha erat hubungan

BATU PAHAT 24 Ogos – Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menganjurkan hari keluarga pada 1 Ogos lalu sebagai usaha mengekalkan hubungan erat dan mesra di kalangan warga kerja universiti.

Acara itu dianjurkan dengan melibatkan seluruh staf akademik dan bukan akademik universiti.

Pada hari keluarga yang diadakan di pekarangan Pusat Kokurikulum, Sukan dan Kebudayaan baru-baru ini, lebih 4,000 kakitangan dan ahli keluarga UTHM hadir menyertai aktiviti dan acara yang dijalankan.

Hari keluarga itu diserikan dengan kehadiran Pengerusi Lembaga Pengarah UTHM, Tan Sri Ir. Jamilus Md. Hussin, Naib Canselor UTHM,

Prof. Datuk Dr. Mohd. Noh Dalimin dan isteri, Prof. Datin Dr. Maryati Mohamed dan pegawai-pegawai kanan UTHM.

Antara acara yang dianjurkan ialah futsal lelaki berkain pelekat, futsal wanita berkain batik, lari dalam guni, menyusun *puzzle*, menganyam ketupat, boling kelapa, pertandingan mewarna, basikal lambat, golf, karaoke dan bermacam-macam lagi.

Aktiviti melibatkan pelbagai golongan meliputi VIP sehingga kanak-kanak.

Acara paling menarik dan ditunggu-tunggu ialah cabutan bertuah yang menawarkan hadiah seperti televisyen plasma, set sofa, peti sejuk dan mesin basuh.

Kanak-kanak merupakan golongan yang paling gembira walaupun hujan lebat pada awal pagi. Pihak urus setia telah menyediakan gelongsor belon sebagai salah satu permainan yang menarik untuk golongan tersebut.

Terdapat lapan rumah yang mewakili beberapa kelompok Pusat Tanggungjawab yang ada di UTHM. Rumah-rumah tersebut dinamakan sempena nama kuih seperti nagasari, epok-epok, kasturi, kole kacang, onde-onde, seri muka dan getuk ubi.